

Puteri UMNO, DBKL lancar Mekar ICT

UM : ISMIA 25/6/2007

KUALA LUMPUR 24 Jun - Pergerakan Puteri UMNO bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melancarkan program untuk memberi pendedahan awal kanak-kanak kepada dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) menerusi penubuhan Mekar ICT.

Program itu juga bertujuan untuk memberi pendedahan dunia ICT di kalangan keluarga berpendapatan sederhana.

Menteri Wilayah Persekutuan merangkap Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Zulhasnan Rafique telah merasmikan pelancaran Mekar ICT itu di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Gombak Setia, dekat sini baru-baru ini.

Turut hadir ialah Ketua Pergerakan Puteri UMNO, Datuk Noraini Ahmad dan Pengerusi Biro IT Pergerakan Puteri UMNO, Datin Maizatul Akman Alawi.

Zulhasnan dalam ucapannya berkata, penubuhan Mekar ICT bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak berumur antara enam dan 12 tahun kepada ICT yang menjadi agenda penting dunia sekarang.

"Bermula dengan mengajar golongan kecil ini di rumah, balai raya serta di tempat-tempat awam luar bandar, ia akan dapat mengurangkan jurang digital dengan kanak-kanak yang tinggal di bandar agar mereka lebih berdaya saing.

"Program ini juga diharap dapat mengurangkan jurang ICT di antara keluarga berpendapatan rendah, sederhana dan tinggi," katanya.

Pada majlis itu Zulhasnan turut menyerahkan sebuah komputer riba dan mesin pencetak kepada semua Ketua Puteri UMNO Bahagian Wilayah Persekutuan.